

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 JULY 2017

SIRI 9

DR. M 'GASAK' PAK LAH

Um - 10/7/2017 pg. 10

TUN Abdullah Ahmad Badawi atau mesra dengan panggilan Pak Lah berjaya melepasi 'ranjau dan duri' Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mengisi jawatan nombor satu kerajaan pada 2003.

Nasibnya lebih berjaya berbanding timbalan-timbalan Mahathir sebelum itu - Anwar Ibrahim, Ghafar Baba dan lebih awal, Musa Hitam dalam permainan muktamad mewarisi kuasa.

Pada Mac 2004, Pak Lah mahukan Malaysia mengadakan pilihan raya umum (PRU) ke-11. Ketika itu beliau baru empat bulan menjadi Perdana Menteri dan semestinya mahukan mandat bahu di bawah kepimpinan beliau.

Walaupun tidak diisytiharkan, Pak Lah berhasrat untuk keluar dari bayang-bayang Mahathir. Suatu jangkakan positif berlaku. BN di bawah Pak Lah meneng besar dalam sejarah BN.

Seruannya Pak Lah untuk perubahan melalui beberapa pengumuman dasar diterima baik. Pada masa sama, nampaknya seolah-olah pentadbiran Mahathir sebelum itu masih perlukan sesuatu, sekali gus menjadikan hubungan Pak Lah-Mahathir menjadi renggang.

Kira-kira enam bulan menjadi Perdana Menteri, Mahathir mula menjadi pengkritik utama Pak Lah. Banyak ungkapan dan metafora menjejaskan imej pentadbiran Pak Lah.

Pada masa sama, Mahathir terus mengeluarkan kritikan pedas terhadap Pak Lah terutama selepas PRU-12 yang menyaksikan kekalahan BN di empat negeri - Kelantan, Pulau Pinang, Kedah dan Selangor.

Bagaimanapun Pak Lah jarang bertindak balas secara terbuka. Begitupun beliau pernah beberapa kali mengeluh di dalam Kabinet.

Iaitu daripada pembatalan projek jambatan bengkok Singapura-Johor oleh pentadbiran beliau yang secara tidak langsung menghancurkan projek Mahathir kepada 'pemuda-pemuda aras 4' yang diketahuai ramai sebagai sasaran mengecam Pak Lah. Dan daripada kempen Islam Hadhari kepada projek-projek koridor ekonomi dan sebagainya.

Kepimpinan Pak Lah dihantui dengan serangan dan pelbagai kritikan daripada bekas mentor

MUKADIMAH SEJAK dulu lagi Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad penuh dengan kerenah dan sikapnya yang kontroversi serta sukar dikawal sesiapa. Gelagat bekas Perdana Menteri itu seolah-olah suatu seni

politik 'sapu sahaja, janji boleh' - yang setara dengan inti pemikiran politik Machiavelli yang berteraskan kekuasaan. Ikuti babak-babak yang pernah dicetuskan Dr. Mahathir semasa beliau berurusan dalam parti dan kerajaan dalam 10 siri yang dilaporkan wartawan *Utusan Malaysia*, **ZULKIFLI JALIL**.



WALAU PUN pernah bersama memerintah negara antara 1999 hingga 2003, Dr. Mahathir Mohamad kini menjadikan bekas timbalannya, Abdullah Ahmad Badawi sebagai sasaran serangan politik.

Pembatalan Jambatan Johor-Woodland, yang lebih dikenali sebagai Jambatan Bengkok dan projek-projek jalan raya berkembar KL-Utara, disifatkan sebagai 'melanggar perjanjian' utama oleh Pak Lah yang menyakitkan perasaan bekas Perdana Menteri itu."

dan pihak lain. Mahathir kemudian meninggalkan UMNO hampir selama tempoh Pak Lah memimpin sebagai presiden UMNO. Beliau menyertai semula parti itu pada April 2009, beberapa hari selepas Datuk Seri Najib Tun Razak kembali sebagai presiden.

Ini adalah cara halus Mahathir tetapi mencetuskan gelombang yang besar dalam menunjukkan kepada dunia bahawa Pak Lah tidak berada di landasan kepimpinan yang dikehendaki negara.

ling keras adalah dengan merujuk pentadbiran Pak Lah sebagai *half-past six government*. Ini merupakan kecaman yang paling meyakinkan hati kerana ulasan itu melingkungi hampir semua pemimpin dalam sistem.

Tak cukup dengan itu Mahathir menjadi seorang blogger dengan nama pena *Che Det* di mana beliau terus menyerang Pak Lah, yang sebaliknya memilih untuk menelan derita dengan berdiam diri.

Pak Lah secara jelas enggan berbaik atau rapat dengan Mahathir.

Perdana Menteri kelima itu turut melahirkan perasaan sedih dan kecewa dengan tindakan Mahathir yang terus mengkritik beliau secara terbuka selepas pertemuan mereka dua hari sebelum Aidilfitri 2006.

Pertemuan dua jam di Seri Perdana itu berlangsung dalam suasana harmoni dan banyak perkara dibangkitkan oleh Mahathir.

Antaranya mengenai UMNO, isu negara polis, soal projek yang diperoleh oleh anak-pinak Pak Lah dan kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Kata Pak Lah, beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Mahathir adalah tidak benar terutama apabila Mahathir mendakwa Malaysia kini adalah negara polis, selain isu anaknya, Kamaluddin, mendapat projek walaupun tidak mempunyai kemampuan.

"Pasal hal yang berkaitan anak-pinak saya, bila dia kata anak saya Kamal (Kamaluddin) tidak ada kemudahan bila dia ambil projek... itu tak betul."

Menurut Abdullah, Mahathir turut mendakwa Scomi, syarikat yang Kamaluddin ada kepingtangan, mendapat kontrak mengangkut arang batu daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedangkan ia tidak mempunyai kapal.

Bagaimanapun, Pak Lah berkata, hakikat sebenarnya syarikat itu adalah satu-satunya syarikat yang mempunyai 180 buah kapal sendiri untuk beroperasi.

Apa yang ditanya Mahathir pada Pak Lah sebenarnya berbalik semula kepadanya sekarang apabila beberapa exco Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada), sayap belia Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mempersoalkan kekayaan luar biasa anak-anak Pengerusi PPBM itu.

Kecaman Mahathir yang pa-